

HPPNK 2025 catat jualan RM7.6j dengan 300,000 pengunjung

Kota Kinabalu: Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2025 mencatatkan nilai jualan RM7.6 juta dan menerima lebih 300,000 pengunjung setakat hari kedua program berlangsung kelmarin.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata pihaknya yakin dapat capai sasaran 500,000 pengunjung dengan nilai jualan RM15 juta.

“Sehingga tengah hari ini (semalam) saya lihat sambutan sangat menggalakkan dan ramai orang datang, oleh itu tidak mustahil sasaran dapat dicapai kerana selalunya pada penghujung program banyak harga barangan yang akan diturunkan dan sudah semestinya ia akan meningkatkan jualan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penutupan HPPNK 2025 yang disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Pusat Konvensyen Anta-

rabangsa Sabah, di sini semalam. Yang hadir sama, Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor.

Katanya, sambutan kali ini turut merekodkan sejumlah 14 dokumen persefahaman dan perjanjian strategik, termasuk memorandum persefahaman (MoU) dan memorandum perjanjian berjaya dimeterai dengan nilai keseluruhan RM526 juta.

Mohamad berkata, kementeriannya mengetengahkan komoditi utama yang menyumbang kepada nilai eksport antaranya durian, nanas dan kelapa segar.

“Di samping itu, avocado dan tanaman bawang hasil daripada Sabah juga dilihat amat berpotensi untuk dikembangkan pada masa akan datang,” katanya.

“Tanaman avocado mula dilaksanakan di Tawau, manakala bawang dilaksanakan di Ranau dan ia sangat subur. Pada masa akan datang kedua-dua tanaman ini diyakini boleh dieksport,” katanya. **BERNAMA**



Anwar merasmikan majlis penutupan HPPNK 2025 sambil diperhatikan Hajiji (dua dari kiri) dan Mohamad (dua dari kanan) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah, semalam. **(Foto BERNAMA)**